



كمنترين كبوداياهن، بليادان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



جانغ

CANANG

Mei 2026



www.kkbs.gov.bn



[kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei)



[Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/KementerianKebudayaanBeliaDanSukan)



[kkbs_brunei](https://www.youtube.com/kkbs_brunei)

SIDANG EDITORIAL CANANG

Pengerusi:

Awang Haji Mohd Zaki Haji Hassanal As'shari
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
selaku Ketua Unit Perhubungan Awam

Pengarang/Sumber Berita:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras:

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting:

Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Prof dan Penyemakan:

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abdul Wahab
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:

Jabatan Penerangan

“

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama menghadiri Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah/2026 Masihi.

Tema Majlis Musabaqah tahun ini, "Mengukuhkan Pembelajaran Al-Qur'an dan Menghayati Ajarannya", menegaskan bahawa Al-Qur'an bukan sahaja untuk dibaca, bahkan dipelajari, difahami dan diamalkan sebagai panduan hidup.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 9 menjelaskan bahawa Al-Qur'an memberi petunjuk ke jalan yang lurus dan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan salih.

Pembelajaran Al-Qur'an bukan sekadar membaca, tetapi juga memahami dan menghayati pengajarannya dalam kehidupan.

Musabaqah ini merupakan usaha berterusan Kerajaan Beta dalam memperkukuh pembelajaran Al-Qur'an melalui pelbagai program dan inisiatif berkaitan Al-Qur'an di negara ini.

Beta juga mengambil maklum mengenai penubuhan Skim Tilawah Al-Qur'an Kanak-Kanak (STAKA) oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai langkah menyemai kecintaan terhadap Al-Qur'an sejak usia awal.

Beta percaya usaha memupuk kecintaan terhadap Al-Qur'an sejak kanak-kanak penting dalam pembentukan akhlak dan keperibadian yang mulia.

Dalam era teknologi masa kini, penggunaan medium digital dalam pembelajaran dan penghayatan Al-Qur'an semakin meluas, namun ia perlu disertai dengan kesungguhan mencintai Al-Qur'an.

Marilah kita terus menjadikan Al-Qur'an sebagai panduan sepanjang hayat. Beta juga merakamkan ucapan tahniah dan selamat maju jaya kepada Johan Qari, Qariah dan semua peserta yang berjaya ke Peringkat Akhir Kebangsaan tahun ini.

”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzadin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Musabaqah Membaca Al-Qur'an
Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi
Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi



JABATAN PENERANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIN SA'ADUL KHAIRI WADDIN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

MAJLIS PELANCARAN DISKAUN MEGA BUKU DBP	6
MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KELUARGA KEBANGSAAN 2026	7
MESYUARAT PERINGKAT MENTERI ASIA TENGGARA MENGENAI BELIA DAN SUKAN 2026	8
PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN SEMPENA HARI KELUARGA ANTARABANGSA 2026	9
SIARAN MEDIA : PENDAFTARAN BAGI PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA BAGI TAHUN 2026	11
KONGRESS MENTERI-MENTERI KEBUDAYAAN NEGARA-NEGARA PERTUBUHAN KERJASAMA ISLAM (OIC)	13
LAWATAN KERJA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE RIYADH, KERAJAAN ARAB SAUDI	14
KUNJUNGAN HORMAT KETUA-KETUA PERWAKILAN NBD	15
25 PESERTA TERIMA SIJIL BENGKEL DIKIR BRUNEI	16
MAJLIS IBADAH KORBAN SEMPENA AIDILADHA 1447/2026	17

MAJLIS PELANCARAN DISKAUN MEGA BUKU DBP



BERAKAS, Sabtu, 14 Zulkaedah 1447/2 Mei 2026 - Dalam usaha menggalakkan budaya membaca serta membina masyarakat berilmu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penerbitan dan Pemasaran kembali menganjurkan Diskaun Mega Buku DBP sempena Sambutan Hari Buku Sedunia 2026. Majlis Pelancarannya telah berlangsung di Balai Sarmayuda, DBP, pagi tadi.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis seterusnya melancarkan Diskaun Mega Buku DBP ialah Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Diskaun Mega Buku DBP menawarkan potongan harga sehingga 80 peratus bagi lebih 800 judul buku, majalah dan jurnal. Antara bahan yang ditawarkan termasuk buku ilmiah dan jurnal akademik; buku cerita kanak-kanak; buku rujukan istilah, daftar kata, kamus, monograf dan pedoman umum; serta karya sastera seperti cerpen, novel dan puisi.

MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KELUARGA KEBANGSAAN 2026



PEKAN TUTONG, Sabtu, 14 Zulkaedah 1447/2 Mei 2026 – Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) disambut pada setiap hari Ahad pertama bulan Mei setiap tahun. Bagi tahun 2026, sambutan ini jatuh pada hari Ahad, 3 Mei 2026, dengan tema "Keluargaku, Harapanku". Bersempena sambutan HKK, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Kesyukuran di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong yang dihadiri lebih daripada 250 orang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof, Imam Tingkat II, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kemudian diikuti dengan tazkirah bertajuk "Keluarga Sakinah: Dibina dengan kasih, dipelihara dengan tanggungjawab" yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Muhammad Safwan bin Mohd Suffian, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Ahli Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan, ahli-ahli Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, pegawai-pegawai kerajaan, penghulu dan ketua-ketua kampung, penduduk kampung, persatuan-persatuan dan rakan-rakan strategik.



MESYUARAT PERINGKAT MENTERI ASIA TENGGARA MENGENAI BELIA DAN SUKAN 2026

BALI, INDONESIA, Selasa, 17 Zulkaedah 1447/5 Mei 2026 – Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri Asia Tenggara Mengenai Belia dan Sukan 2026 yang berlangsung di Bali, Republik Indonesia, dari 3 hingga 5 Mei 2026. Mesyuarat tersebut, yang diterajui oleh Tuan Yang Terutama Erick Thohir, Menteri Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia, bertujuan menyediakan platform dialog peringkat tinggi ke arah memodenkan ekosistem sukan serantau serta membina generasi belia yang berdaya tahan. Dengan tema “Memperkuh Kerjasama Belia Asia Tenggara dan Diplomasi Sukan ke Arah Masa Depan yang Berdaya Tahan”, mesyuarat ini memberi tumpuan kepada penyelarasan dasar serantau bagi memaksimumkan potensi masa hadapan dalam bidang belia dan sukan.

Mesyuarat tersebut diakhiri dengan pemeeteraian Deklarasi Bali Mengenai Belia dan Sukan 2026, yang mengukuhkan semua komitmen bersama untuk memajukan pembangunan belia dan kecemerlangan sukan di Asia Tenggara. Mesyuarat ini telah didahului oleh Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Mengenai Belia dan Sukan pada 3 Mei 2026.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad juga telah mengadakan pertemuan dua hala bersama Tuan Yang Terutama Menteri Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia. Turut mengiringi Yang Berhormat Menteri sepanjang mesyuarat tersebut ialah pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**PERUTUSAN YANG BERHORMAT
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
SEMPENA HARI KELUARGA ANTARABANGSA 2026**



PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN SEMPENA HARI KELUARGA ANTARABANGSA 2026

“Keluarga, Ketidaksamaan dan Kesejahteraan Kanak Kanak”

Tema sambutan tahun ini, “Keluarga, Ketidaksamaan dan Kesejahteraan Kanak Kanak” (Families, Inequalities and Child Wellbeing), mengetengahkan cabaran global yang semakin ketara, khususnya ketidaksamaan sosial dan cabaran ekonomi yang mempengaruhi kestabilan sesebuah keluarga seperti kebimbangan ekonomi, peningkatan kos sara hidup, serta jurang akses kepada pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan peluang kehidupan.

Cabaran-cabaran ini setentunya menjejaskan keupayaan keluarga dalam menyediakan persekitaran yang positif, stabil dan kondusif untuk menyokong perkembangan kanak-kanak yang seimbang dari segi fizikal, emosi dan sosial.

Oleh itu, pengukuhan institusi keluarga perlu dilihat sebagai satu pelaburan jangka panjang dalam pembangunan modal insan negara.

Perutusan Penuh, Sila Tekan Pautan ini:

[Perutusan Yang Berhormat Menteri
Kebudayaan, Belia Dan Sukan
Sempena Hari Keluarga Antarabangsa 2026](#)

SIARAN MEDIA : PENDAFTARAN BAGI PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA BAGI TAHUN 2026



Tarikh: **16 Mei 2026**
Rujukan: **UPA 09/2026**

SIARAN MEDIA PENDAFTARAN BAGI PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA BAGI TAHUN 2026 KINI DIBUKAKAN

1. **DAERAH TEMBURONG, Sabtu, 28 Zulkaedah 1447 / 16 Mei 2026** – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), sukacita ingin memaklumkan bahawa pendaftaran telah dibuka bagi Program Khidmat Bakti Negara bagi tahun 2026 yang akan dilaksanakan dengan tempoh enam (6) bulan bermula pada 27 Jun 2026 hingga 24 Disember 2026 di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Kampong Batu Apoi, Daerah Temburong.
2. Syarat-syarat kemasukan bagi menyertai program ini ialah:
 - i. Belia berumur 20 hingga 25 tahun;
 - ii. Warganegara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam;
 - iii. Berdaftar di Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Perdana Menteri;
 - iv. Indeks jisim badan 17.0 hingga 34.9;
 - v. Lulus pemeriksaan kesihatan oleh Kementerian Kesihatan;
 - vi. Dapat menyertai program secara sepenuh masa (Tidak terikat dengan pekerjaan atau pengajian semasa jangka masa latihan); dan,
 - vii. Belum pernah mengikuti PKBN.
3. Belia-belie yang berminat dan menepati syarat-syarat kemasukan adalah dijemput hadir ke sesi-sesi jerayawara yang akan diadakan seperti berikut:
 - i. Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong pada Hari Sabtu, 16 Mei 2026, jam 10.00 pagi; atau,
 - ii. Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, pada Hari Khamis, 21 Mei 2026, jam 2.00 petang.
4. Maklumat lanjut boleh diperolehi di akaun *Instagram* rasmi (<https://instagram.com/p.k.b.n>) dan sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi pihak BKBN melalui talian 5222017 atau melalui emel pkbn.info@gmail.com.

Disediakan oleh:
Bahagian Khidmat Bakti Negara
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam

Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
E-mel: Info@kkbs.gov.bn
Website: www.kkbs.gov.bn
Instagram: [@kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei)
Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (6 BULAN)

MENDAFTARLAH SEKARANG

PERMOHONAN DIBUKAKAN KEPADA:

- ✓ Belia berumur 20-25 tahun
- ✓ Warganegara & Penduduk Tetap
- ✓ Berdaftar di Pusat Pekerjaan Brunei
- ✓ Indeks Jisim (BMI) 17.0 - 34.9
- ✓ Lulus pemeriksaan kesihatan
- ✓ Terbuka kepada semua bangsa dan agama
- ✓ Dapat menyertai program sepenuh masa
- ✓ Belum pernah mengikuti PKBN


Tarikh Latihan :
27 JUN 2026 HINGGA 24 DISEMBER 2026

Tarikh Pendaftaran :
18 MEI 2026 HINGGA 15 JUN 2026



Jerayawara :

- 📍 **Bagi Daerah Tutong & Belait**
Tarikh : 16 Mei 2026 (Sabtu)
Jam : 10 :00 pagi
Tempat : Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, Pekan Tutong
- 📍 **Bagi Daerah Brunei/Muara & Temburong**
Tarikh : 21 Mei 2026 (Khamis)
Jam : 2 :00 petang
Tempat : Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

 BahagianKhidmatBaktiNegara
  p.k.b.n
  5222017



- ✓ Setelah pemeriksaan kesihatan, borang yang lengkap hendaklah dikembalikan ke :-
 - i. Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan .
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
 - atau;
 - ii. Bahagian Khidmat Bakti Negara,
Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara,
Jalan Batu Apoi, Daerah Temburong
- ✓ Tarikh tutup ialah pada 15 jun 2026 .

 BahagianKhidmatBaktiNegara
  p.k.b.n
  5222017

KONGRESS MENTERI-MENTERI KEBUDAYAAN NEGARA-NEGARA PERTUBUHAN KERJASAMA ISLAM (OIC)



KAZAN, REPUBLIK TATARSTAN, PERSEKUTUAN RUSIA, Khamis, 26 Zulkaedah 1447/ 14 Mei 2026 – Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), telah menghadiri Kongres Menteri-Menteri Kebudayaan Negara-Negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang berlangsung di Kazan, Republik Tatarstan, Persekutuan Rusia.

Kongres tersebut menghimpunkan wakil daripada 28 buah negara serta tiga organisasi antarabangsa bagi memperkukuh kerjasama kebudayaan, pertukaran ilmu dan pembangunan hubungan strategik antara negara-negara anggota OIC dan Persekutuan Rusia.

Perbincangan memberi tumpuan kepada dialog kebudayaan sebagai medium memperkukuh persefahaman sejagat, usaha pemeliharaan warisan budaya, serta pembangunan industri kreatif dan seni kontemporari sebagai pemangkin kemajuan ekonomi dan sosial.

Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap menegaskan bahawa kebudayaan dan warisan bukan sekadar mencerminkan identiti negara, malah berperanan sebagai aset strategik yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi, memperkukuh industri kreatif serta menjadi medium diplomasi dalam mempererat persefahaman antarabangsa.

LAWATAN KERJA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE RIYADH, KERAJAAN ARAB SAUDI



RIYADH, KERAJAAN ARAB SAUDI, Rabu, 3 Zulhijjah 1447 / 20 Mei 2026 – Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam, telah mengakhiri lawatan kerja selama tiga hari ke Riyadh, Kerajaan Arab Saudi, yang telah memperkukuhkan lagi hubungan rapat dan persaudaraan antara Negara Brunei Darussalam dan Arab Saudi.



Yang Berhormat Dato telah mengadakan perjumpaan dua hala bersama His Royal Highness Prince Abdulaziz Turki Al-Faisal Al-Saud bagi membincangkan pelaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama dalam Bidang Belia dan Sukan yang telah ditandatangani pada 6 November 2025.



Kedua-dua pihak menyatakan komitmen yang kukuh untuk terus mempertingkatkan kerjasama dua hala melalui pelbagai inisiatif yang bermakna dan berimpak tinggi.

Yang Berhormat Dato dan delegasi juga berkesempatan melawat beberapa kemudahan utama sukan, kebudayaan dan warisan di Riyadh bagi meninjau perkembangan pesat negara tersebut serta usaha-usaha pembangunan sukan dan pemeliharaan warisan budayanya yang kaya.



KUNJUNGAN HORMAT KETUA-KETUA PERWAKILAN NBD



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Zulhijjah 1447 / 21 Mei 2026 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Ketua-ketua perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik iaitu Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam Ke Malaysia; Tuan Yang Terutama Mohammad Shafiee bin Haji Kassim, Duta Besar Istimewa Dan Mutlak Negara Brunei Darussalam Ke Belgium; Tuan Yang Terutama Haji Khairur Rizal bin Haji Abdul Majid, Duta Besar Istimewa Dan Mutlak Negara Brunei Darussalam Ke Republik Demokratik Timor-Leste; dan Puan Yang Terutama Dayangku Nooraslena binti Pengiran Dato Paduka Haji Sallehuddin, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam Ke Australia.

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Norashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), dan Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid, Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarbangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

25 PESERTA TERIMA SIJIL BENGKEL DIKIR BRUNEI



TANAH JAMBU, Khamis, 4 Zulhijjah 1447 / 21 Mei 2026 - Seramai 25 orang peserta dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini telah menamatkan Bengkel Dikir Brunei (Syarafil Anam) yang dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Belia (PPB) di bawah Bahagian Kerohanian dan Keagamaan.

Sehubungan itu, hadir bagi menyempurnakan majlis penyampaian sijil kepada para peserta bertempat di PPB ialah Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.



MAJLIS IBADAH KORBAN SEMPENA AIDILADHA 1447/2026

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Zulhijjah 1447 / 30 Mei 2026 – Majlis Ibadah Korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha bagi tahun 1447 Hijrah/2026 Masihi anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah diadakan di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.


Majlis tersebut diadakan khusus bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya, anak-anak yatim dalam kalangan warga kementerian, serta penghuni Pusat Penempatan Sementara (PPS) dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging korban bagi penerima lelaki ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Manakala pengagihan bagi penerima perempuan disempurnakan oleh Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seramai 226 orang penerima telah menerima agihan daging korban, terdiri daripada kakitangan, dan anak-anak yatim pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya, serta Penghuni PPS dan JAPEM.



E-POSTER SEMPENA MENYAMBUT HARI RAYA AIDILADHA 1447H / 2026M





كمنترین كبودایاءن، بلیادان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan